



## SELAMAT DATANG

**Y. Brs. TUAN MOHAMAD HANAFE BIN BASRI SMS,  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR  
4 DISEMBER 2023**

Dialog Bajet 2024  
Majlis Perbandaran  
Kuala Selangor

3

The 48th International on  
Quality Control Circles  
(ICOCC)

11

Majlis Keberangkatan  
DYMM. Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong XVI  
Menunaikan Solat Jumaat  
Di Masjid Lumu

23



## SEPTEMBER

- Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen MPKS ke Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023
- Dialog Bajet 2024 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Coffee Table Talk Bil.5 2023 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- "Focus Group Discussion" Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2035 (Penggantian)
- Perhimpunan Pagi Bil.5 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Sesi Temu Ramah Pembangunan Konsep dan Pelaksanaan Hab Digital Malaysia
- Kursus Lanjutan Latihan Keselamatan Organisasi dan Kebakaran (ERT) MPKS
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Bil. 3/ 2023
- Lawatan Kerja Berkaitan Pelaksanaan Jawatankuasa Audit dan Korporat Di Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah
- Penyerahan Simbolik Program Semarak Hari Malaysia 2023 JKR Kuala Selangor Sempena Hari Kemerdekaan Ke 66 dan Hari Malaysia
- Majlis Meraikan Pesara dan Bakal Pesara
- Operasi Bersepadu Kilang Tanpa Kebenaran di Ijok
- Program Penanaman Pokok Berembang dan Pembersihan Sungai oleh Sungai Harmoni LGB Group
- Bengkel "Focus Group Discussion (FGD)" Bagi Penyediaan Sistem Lesen dan Permit Dalam Talian (Ip3ks) Bersama Jabatan Pelesenan Bengkel Pengisian Maklumat Sistem E-Profil JKT Bersama Jabatan Dalaman MPKS
- Mesyuarat Khas Bajet 2024 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Seminar Usahawan OKU 2023 "Semangat OKU Luar Biasa"
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat Pengusaha Stesen Minyak Petron Lembah Klang (RCEM) "Plant For Life"
- Bengkel Penambahbaikan Pelan Strategik 2021-2025 Majlis Perbandaran Kuala Selangor Bersama MAMPU
- Program Cintailah Sungai Kita dan Penanaman Pokok Berembang "Waterways In Our Communities" Majlis Perbandaran Kuala Selangor

## OKTOBER

- Bengkel Usahanita Berdaya 2023
- Program Sainitis Rakyat Sungai Selangor Fasa 2
- Operasi Pecemaran Bau di Taman Alam Jaya
- Majlis Makan Malam Meraikan Petugas-Petugas Pilihan Raya Negeri Ke-15
- Program Santai Kebudayaan Kuala Selangor Bertemakan "Balada"
- Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC) 2023
- Program Santai Kebudayaan Kuala Selangor Bertemakan "Rock 90an"
- Pesta Sayap 2023
- Sesi Penilaian Markah Premis Makanan Bersih Kuala Selangor 2023
- Audit Prestasi Projek Peruntukan MARRIS Tahun 2023
- Bengkel Perintah Pelucutanhak Kenderaan Terlantar Terbiar di Bawah Seksyen 116 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Kejohanan Tenpin Bowling Piala YDP Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2023
- The 48th International Convention On Quality Control Circles

## NOVEMBER

- Hari Tanpa Kenderaan Daerah Kuala Selangor 2023
- Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Daerah Kuala Selangor Ke Sukan Selangor 2023 (SUKSES)
- Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Deepavali Kepada Ahli Majlis dan Kakitangan MPKS Berbangsa India
- Ops Bersepadu Premis Warga Asing di Ijok
- Kejohanan Petanque Perseorangan Remaja Tertutup Selangor Piala YDP MPKS 2023
- Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 6/ 2023
- Sambutan Hari Integriti 2023 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata (Comprehensive Strata Management And Residential Training @ C-Smart) 2023
- Program Pembersihan Pantai oleh Ahli Persatuan Pekerja Islam (TNB) Kawasan Bangi
- Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor (Malaysia Madani Komuniti Sejati)
- Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Ke-14, 2023

- Lawatan Kementerian Seni Dan Budaya Malaysia ke Daerah Kuala Selangor
- Kunjungan Hormat Dewan Bahasa dan Pustaka ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Operasi Bersepadu Ladang Ternakan Ayam di Sungai Yu, Tg. Karang
- Operasi Bersepadu Kilang E-waste di Bestari Jaya
- Kursus Pemantapan Pengendalian Bajet, Pengurusan Wang Cagaran dan Dokumen Inovasi Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Misi Pemindahan Mangsa Banjir Oleh Skuad Pantas MPKS di Tg. Siam
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis MPKS Bil.5/ 2023
- Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
- Majlis Penghargaan Setiausaha MPKS

## DISEMBER

- My Place Awards 2023 Excellence In Placemaking
- "Staff Day 2023" Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Santai Kebudayaan Kuala Selangor Bertemakan "Pop Yeh-Yeh"
- Majlis Angkat Sumpah dan Lawatan Yang Dipertua MPKS Baharu
- Taklimat dan Libat Urus Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) Negeri Selangor
- Perhimpunan Pagi Majlis Perbandaran Kuala Selangor Bil.6/ 2023
- Majlis Penghargaan Kejohanan Sukan MAKSAK Dan SUKSES Tahun 2023
- Program Menembak Gagak 2023
- Kursus Usahawan "Amalan Terbaik Halal" Peringkat Daerah Kuala Selangor 2023
- Bengkel Tatacara Penyelarasan Garis Panduan Penubuhan Jawatankuasa Penduduk Taman Perumahan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2023
- Program Pecutan SPM 2023 Peringkat Daerah Kuala Selangor
- Majlis Keberangkatan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XVI Menuaikan Solat Jumaat di Masjid Raja Lumu, Kuala Selangor
- Kejohanan Tarik Tali Piala Yang Dipertua MPKS 2023
- Mesyuarat Majlis Bil. 12/ 2023 dan Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan Bil. 7/ 2023 dan Majlis Penghargaan Ahli Majlis 2023
- Kejohanan Bowling Piala YDP 2023
- Kejohanan Dart Beregu Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2023
- Hari Bersama Media 2023

# Sidang Redaksi

# BULETIN

# MALAWATI

### Penangung

Tuan Mohamad Hanafe bin Basri SMS,  
ydp@mpks.gov.my

### Penasihat

TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar AIS, PPC,  
myusli@mpks.gov.my

### Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim  
norrini@mpks.gov.my

### Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren  
aliff@mpks.gov.my

### Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria  
hisyamuddin@mpks.gov.my

### Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi  
irwanshah@mpks.gov.my

# **PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN MPKS KE KARNIVAL SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA (SUKANUN) 2023** 4 September 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menyertai Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023 yang berlangsung pada 3 hingga 10 September 2023 di UiTM Arau, Perlis.

Sr. Salinda binti Jamil, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKS telah menyempurnakan sesi 'Flag Off' dan menyerahkan bendera MPKS kepada Encik Saiful Bahri bin Musmin selaku ketua kontinjen MPKS. MPKS menyertai 5 acara iaitu tarik tali, badminton, dart dan petanque serta sepak takraw.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# **DIALOG BAJET 2024 MPKS**

6 September 2023

Jabatan Perbendaharaan MPKS telah mengadakan Majlis Dialog Bajet 2024 MPKS di The Blankett Resort, Kuala Selangor pada 6 September 2023. Sesi ini diadakan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MPKS serta Jawatankuasa Penduduk bagi menyediakan satu belanjawan 2024 yang mampan untuk kawasan pentadbiran MPKS.

Selain itu, tajuk perbincangan adalah selari dengan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang bertemakan 4 teras utama iaitu pengukuhan ekonomi, peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial, pemacuan kelestarian dan tadbir urus.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

# FOCUS GROUP DISCUSSION RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2035 (PENGANTIAN)

11 September 2023

Jabatan Perancangan Pembangunan MPKS telah mengadakan Focus Group Discussion Kajian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2035 (Pengantian) di The Blanket Resort, Kuala Selangor.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan pendapat agensi teknikal, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, NGO, Penghulu dan wakil penduduk bagi proses menyediakan kajian Rancangan Tempatan MPKS 2035 (Pengantian) oleh Jabatan Perancangan Pembangunan MPKS bersama-sama PLANMalaysia Selangor.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

## PERHIMPUNAN PAGI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BIL.5/ 2023

12 September 2023

Jabatan Kawalan Bangunan MPKS telah menjadi hos Perhimpunan Pagi Bil. 5/2023 yang berlangsung di Dewan Sri Siantan, Ibupejabat MPKS. Ucaptama perhimpunan ini telah disempurnakan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan renungan pagi telah disampaikan Ts. Faezah binti Abd. Aziz, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPKS.

Turut berlangsung penyampaian pingat kepada atlet sukan Petanque dan Tarik Tali yang berjaya memperolehi kejayaan sempena Karnival Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2023 serta kempen kibar Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Malaysia.



Sumber : Jabatan Kawalan Bangunan

# KURSUS LANJUTAN LATIHAN KESELAMATAN ORGANISASI DAN KEBAKARAN (ERT) MPKS

13 September 2023



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

## LAWATAN KERJA BERKAITAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA AUDIT DAN KORPORAT DI MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH

14 September 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah pada 14 September 2023. Sesi lawatan ini diketuai oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS bertujuan untuk perkongsian ilmu mengenai pelaksanaan Jawatankuasa Audit dan Korporat di Majlis Perbandaran Sungai Petani berkaitan proses penyelesaian aduan awam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Korporat.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# OPERASI BERSEPADU KILANG TANPA KEBENARAN

18 September 2023

Jabatan Penguatkuasaan MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di Jalan Perindustrian Bukit Badong pada 18 September 2023. Operasi ini melibatkan tiga buah kilang yang memproses plastik kitar semula. Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai kacauganggu bau yang dihasilkan oleh kilang-kilang tersebut. Selain itu, terdapat kilang yang didapati ingkar Perintah Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) yang telah dikeluarkan sebelum ini oleh Jabatan Alam Sekitar.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# PROGRAM PEMERKASAAN ORANG KURANG UPAYA

22 September 2023

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah menganjurkan Seminar Usahawan OKU 2023 "Semangat Luar Biasa" di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor. Seminar ini melibatkan 85 orang peserta diadakan bertujuan menggalakkan komuniti OKU Kuala Selangor menerokai bidang keusahawanan agar menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PENGUSAHA STESEN MINYAK PETRON LEMBAH KLANG (RCEM) "PLANT FOR LIFE" 23 September 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# BENKEL PEMAHAMAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN PELAN STRATEGIK 2021-2025 MPKS 25-27 September 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# PROGRAM PENANAMAN POKOK BEREMBANG DAN PEMBERSIHAN SUNGAI 30 September 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah menganjurkan Program Cintailah Sungai Kita dan Penanaman Pokok Berembang Peringkat Daerah anjuran Majlis Perbandaran Kuala Selangor Tahun 2023 di Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan pada 30 September 2023.

Aktiviti ini diadakan bertujuan sempena Hari Sungai Sedunia yang disambut pada bulan September setiap tahun. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pembersihan sungai, penanaman pokok berembang dan pelepasan benih udang galah serta pertandingan mewarna.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# BENGKEL USAHANITA BERDAYA 2023

7 Oktober 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

## OPERASI PECEMARAN BAU DI TAMAN ALAM JAYA

10 Oktober 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah menjalankan operasi bersepadu bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di sebuah kilang memproses dan melupuskan hasil laut sejuk beku yang telah tamat tempoh di Taman Industri Alam Jaya pada 10 Oktober 2023.

Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai kacauganggu bau dan pencemaran air yang menyebabkan ribuan ikan mati di kolam tadahan Taman Industri Alam Jaya. Hasil pemeriksaan mendapati kilang tersebut telah mengalirkan air pelupusan hasil laut secara terus ke parit berhampiran dan sisa tersebut mengalir ke dalam kolam tadahan Taman Industri Alam Jaya.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

## MAJLIS MAKAN MALAM MERAIKAN PETUGAS-PETUGAS PILIHAN RAYA NEGERI KE-15

13 Oktober 2023



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan



# AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 18 Oktober 2023

Sebagai persediaan, satu sesi Audit Dalaman MS ISO 9001:2015 telah diadakan untuk proses audit dalaman secara terperinci bagi menilai kembali manual, prosedur dan proses kerja serta membuat penambahbaikan terhadap Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015. Selain itu, ini memberi peluang kepada pihak pengurusan MPKS untuk mengambil tindakan pembetulan, pencegahan dan penambahbaikan secara sistematik dan berterusan.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# KONVENSYEN BANDAR PINTAR DAN EKONOMI DIGITAL SELANGOR (SDEC) 2023 19-22 Oktober 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# PESTA SAYAP 2023 21-22 Oktober 2023

Malaysia Nature Park (MNS) dengan kerjasama MPKS telah menganjurkan Pesta Sayap 2023 di Taman Alam, Kuala Selangor pada 21 dan 22 Oktober 2023. Pesta Sayap merupakan acara tahunan pada bulan Oktober setiap tahun bertujuan meningkatkan kesedaran berkenaan burung migrasi dan memulihara hutan paya bakau serta habitat tanah basah.



Sumber : Unit Pelancongan

# AUDIT PRESTASI PROJEK PERUNTUKAN MARRIS TAHUN 2023

25 Oktober 2023



Sumber : Jabatan Kejuruteraan

# BENKEL PERINTAH PELUCUTAN HAK KENDERAAN TERLANTAR TERBIAR DI BAWAH SEKSYEN 116 AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133)

26 Oktober 2023



Sumber : Unit Perundangan

# KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA YDP MPKS 2023

28 Oktober 2023



Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi MPKS

# THE 48TH INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLES (ICQCC) 2023

30 Oktober – 1 November 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) merangkul 2 anugerah emas iaitu pengiktirafan tertinggi di dalam International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2023 di Beijing, China.

Anugerah emas pertama diraih menerusi kumpulan PEHARTA daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta yang mempertaruhkan produk 'KASTILD' Kaunter Semak Timbangan Layan Diri yang mendapat pujian daripada juri antarabangsa kerana usaha MPKS dalam membendung aktiviti penipuan timbangan di dalam urus niaga. Anugerah Emas seterusnya diraih menerusi kumpulan iCorp daripada Unit Korporat dan Perhubungan Awam yang mempamerkan sistem e-Design sebagai medium untuk MPKS menyediakan rekabentuk hebahan awam dengan tepat dan pantas.



Sumber : 1. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta  
2. Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# WALL FEST 2023

3 November 2023

Acara Wall Fest 2023 anjuran Art Battalion dengan sokongan Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia dan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah berlangsung di Dataran Astaka, Tanjung Karang pada 3 November 2023.

Antara aktiviti menarik yang telah berlangsung ialah lukisan mural, persembahan busker, lukisan muka kanak-kanak, kraf pasar seni, sesi karaoke dan riadah skuter percuma. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datin Salida binti Ibrahim dan ucapan aluan oleh Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

# MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN DAERAH KUALA SELANGOR KE SUKAN SELANGOR 2023 (SUKSES) 6 November 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI DEEPAVALI KEPADA AHLI MAJLIS DAN KAKITANGAN MPKS BERBANGSA INDIA 8 November 2023



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan



# OPS BERSEPADU PREMIS WARGA ASING DI IJOK 8 November 2023



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# KEJOHANAN PETANQUE PERSEORANGAN REMAJA TERTUTUP SELANGOR PIALA YDP MPKS 2023

11 November 2023

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah menganjurkan Kejohanan Petanque Perseorangan Remaja Tertutup Selangor Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2023 pada 11 November 2023 di Arena Petanque Kompleks Sukan Kuala Selangor.

Kejohanan ini khas untuk remaja negeri Selangor yang berumur 20 tahun ke bawah bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baharu. Hadiah telah disampaikan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# LAWATAN KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR KE MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH DAN MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BIL. 6/ 2023

15 November 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah pada 16 November 2023. Sesi lawatan ini diketuai oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS bertujuan untuk perkongsian ilmu mengenai penyelenggaraan dan pelaksanaan projek di kawasan tapak pelancongan bandaraya warisan dunia. Selain itu, lawatan ini turut berkongsi pendapat berkaitan pengurusan infrastruktur kawasan-kawasan pelancongan di bawah pentadbiran MBMB.



Sumber : Jabatan Kejuruteraan

# SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2023

## MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 17 November 2023

Jabatan Khidmat Pengurusan MPKS telah menganjurkan Sambutan Hari Integriti Peringkat Majlis Perbandaran Kuala Selangor tahun 2023. Ianya dijalankan bagi tujuan untuk memupuk kesedaran dan juga sebagai inisiatif berterusan dalam membudayakan integriti serta memupuk nilai-nilai murni ke arah pemerkasaan agenda integriti dan tata kelola yang baik.

Majlis telah dirasmikan oleh Puan Liliana binti Ahmad, Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPKS dan ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Haslin bin Baharim. Semoga ceramah yang diberikan mampu memupuk kesedaran mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti dalam pekerjaan untuk mendapatkan rezeki yang berkat.



# KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA (COMPREHENSIVE STRATA MANAGEMENT AND RESIDENTIAL TRAINING @ C-SMART) 2023

## 17-19 November 2023

Unit Pesuruhjaya Bangunan MPKS telah menganjurkan Kursus Pemantapan Bangunan Kediaman Berstrata (C-SMART) 2023 di Kuala Lumpur pada 17 November hingga 19 November 2023.

Kursus ini memfokuskan kepada komuniti pembangunan berstrata di dalam daerah Kuala Selangor bertujuan membantu pihak JMB, MC dan Pengurus Bangunan untuk menguruskan kediaman berstrata dengan lebih sistematik dan mematuhi Peruntukan Akta Pengurusan Strata 757 dengan menitikberatkan isu yang dihadapi oleh pihak pengurusan dalam menghadapi masalah dan isu yang dihadapi.



# SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR (MALAYSIA MADANI KOMUNITI SEJATI) 18 November 2023

Jabatan Perancangan Pembangunan MPKS telah menyertai Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Negeri Selangor 2023 yang berlangsung di Kampung Endah, Kuala Langat pada 18 November 2023. Pada majlis tersebut, pasukan Peto Boga yang mewakili MPKS mendapat tempat pertama di dalam aktiviti Fun Race.

Selain itu, TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS turut menerima cenderahati dan sijil penghargaan diatas penyertaan MPKS di dalam Program Pengukuran Bandar Mampan (MURNINets). Hadiah telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

# MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-14, 2023 19 November 2023

Satu majlis penutup Kejuhanan Sukan Selangor (SUKSES) ke-14, 2023 telah berlangsung di Grand Ballroom, Bangi Resort Hotel pada 19 November 2023. Daerah Kuala Selangor berjaya menduduki tempat kelima dengan pungutan pingat keseluruhan sebanyak 32 pingat (Emas-9) (Perak-8) dan (Gangsa-15). Satu pencapaian yang lebih baik berbanding tempat kelapan pada edisi yang lepas. Tahniah kepada para atlet yang mewakili daerah Kuala Selangor dan ucapan terima kasih kepada jurulatih serta pegawai pengiring sepanjang kejuhan ini berlangsung.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# LAWATAN KEMENTERIAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA KE DAERAH KUALA SELANGOR

20 November 2023

Bahagian Pentadbiran, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mengadakan Mesyuarat Penyelaras Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri serta Lawatan Produk Pelancongan di Daerah Kuala Selangor pada 19-20 November 2023 (Ahad - Isnin).

Sesi lawatan ini diketuai oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Lawatan ini bertujuan bagi memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada semua ahli mesyuarat melihat sendiri serta menjadikan pengalaman sebagai pembelajaran di dalam usaha untuk meningkatkan mutu pengurusan industri pelancongan di negeri masing-masing.



Sumber : Unit Pelancongan

# KUNJUNGAN HORMAT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

21 November 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima kunjungan hormat daripada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi membincangkan hal-hal berkaitan dengan pengesahan iklan dalam Bahasa Melayu. Delegasi lawatan diketuai oleh Encik Hasanul Isyraf bin Mohammad, Pegawai Perancang Bahasa dan lawatan telah disambut oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Pelesenan



# OPERASI BERSEPADU LADANG TERNAKAN AYAM DI SUNGAI YU, TG. KARANG

22 November 2023

Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MPKS telah menjalankan operasi bersepadu bersama jabatan dalaman Majlis dan agensi luar iaitu Pejabat Daerah/ Tanah Kuala Selangor, Pejabat Veterinar Daerah Kuala Selangor dan Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor berkaitan aduan kacauganggu lalat di 4 lokasi ladang ternakan ayam sekitar Mukim Ujong Permatang pada 22 November 2023. Operasi ini dijalankan berikutan aduan penduduk sekitar berkenaan kacauganggu lalat yang mengganggu keselesaan dan menjejaskan kehidupan seharian penduduk.




Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# OPERASI BERSEPADU KILANG E-WASTE DI BESTARI JAYA

24 November 2023

Jabatan Penguatkuasaan MPKS telah menjalankan operasi bersepadu kilang tanpa kebenaran di Kampung Holmwood, Bestari Jaya pada 24 November 2023. Operasi diadakan ekoran maklumat oleh orang awam dan risikan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta MPKS mendapati kilang tersebut beroperasi semula walaupun telah diambil tindakan sebelum ini pada 16 Mac 2022 dan 1 Jun 2022.



Sumber : Jabatan Pelesenan

# KURSUS PEMANTAPAN PENGENDALIAN BAJET, PENGURUSAN WANG CAGARAN DAN DOKUMEN INOVASI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

24-26 November 2023



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

# MISI PEMINDAHAN MANGSA BANJIR OLEH SKUAD PANTAS MPKS DI TG. SIAM

25 November 2023



Sumber : Skuad PANTAS

# MESYUARAT PENUTUP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

28 November 2023

Mesyuarat Penutup Pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 yang telah dipengerusikan bersama oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan Puan Zirawati binti Kadir, Pengarah Audit Negeri, Jabatan Audit Negara Negeri Selangor. MPKS telah selesai menjawab semua penemuan pihak audit dan pihak Jabatan Audit Negara berpuas hati dan menerima maklumbalas pihak MPKS.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

# MYPLACE AWARDS 2023 EXCELLENCE IN PLACEMAKING

1 Disember 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima pengiktirafan Diamond Winner bagi Kategori 6, Back Lane dan Side Lane untuk projek Laluan Seni Pekan Lama Kuala Selangor sempena MyPlace Award 2023.

Laluan Seni Pekan Lama Kuala Selangor merupakan projek memulihara dan memelihara bangunan warisan kategori 2-4 bertujuan menjadikan kawasan tersebut sebagai ruang placemaking baru serta menaiktaraf lorong belakang bangunan kedai. Projek ini juga dapat menambah nilai kawasan pelancongan daerah Kuala Selangor. TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS hadir menerima anugerah tersebut yang berlangsung di Le Meridien Hotel, Petaling Jaya.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

# “STAFF DAY 2023”

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2 Disember 2023

Hubungan baik antara kakitangan MPKS terus diatkan melalui penganjuran Staff Day MPKS 2023 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama warga kerja MPKS melalui aktiviti sukaneka. Majlis telah disempurnakan oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi

# MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN LAWATAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BAHARU

4 Disember 2023

Yang Berusaha, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri telah menyempurnakan Majlis Angkat Sumpah selaku Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuala Selangor ke-15. Majlis disaksikan oleh Yang Berusaha TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS. Turut hadir Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Unit MPKS. Tahniah diucapkan kepada Tuan Mohamad Hanafe bin Basri dan semoga MPKS akan terus maju dan cemerlang dibawah pimpinan beliau.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# TAKLIMAT DAN LIBAT URUS LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDN) NEGERI SELANGOR

6 Disember 2023

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan rasmi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Selangor yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibupejabat MPKS. Lawatan ini bertujuan untuk sesi perkongsian mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0. Lawatan diketuai oleh Encik Mohd Faisal bin Ibrahim, Pengarah Operasi Negeri Seksyen Khidmat Pelanggan, LHDNM Selangor dan telah disambut oleh TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# PERHIMPUNAN PAGI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR BIL.6/ 2023

8 Disember 2023



Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

# PERTANDINGAN PREMIS MAKANAN BERSIH 2023

8 Disember 2023



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# MAJLIS PENGHARGAAN KEJOHANAN SUKAN MAKSAK DAN SUKSES TAHUN 2023

8 Disember 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# PROGRAM MENEMBAK GAGAK 2023

9 Disember 2023



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# BENKEL TATACARA PENYELARASAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN JAWATANKUASA PENDUDUK TAMAN PERUMAHAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2023

13 Disember 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# PROGRAM PECUTAN SPM 2023 PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR

14-15 Disember 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# MAJLIS KEBERANGKATAN KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XVI MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID RAJA LUMU, KUALA SELANGOR

15 Disember 2023

KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan berangkat ke Masjid Raja Lumu, Kuala Selangor untuk menunaikan solat jumaat.

Turut berangkat, DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj serta KDYMM Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Muda Selangor, DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj.

Seri Paduka bersama kira-kira 800 jemaah menunaikan solat Jumaat diimamkan oleh Imam Masjid Negeri, Sheikh Abdul Karim Omar. Baginda kemudian meluangkan masa bersalaman dengan jemaah dan berkenan berangkat ke majlis santapan di Pusat Pelancongan Bukit Malawati.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# KEJOHANAN TARIK TALI PIALA YDP 2023

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 16-17 Disember 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# KEJOHANAN DART BEREGU PIALA YDP 2023

## MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

23 Disember 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

# HARI BERSAMA MEDIA 2023

26 Disember 2023



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# PROGRAM SANTAI KEBUDAYAAN KUALA SELANGOR

14 Oktober - 16 Disember 2023



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat